AHAD, 26 NOVEMBER, 1978

Kuatir terlibat kegiatan gerila — Mahathir

PENDATANG2 MERBAHAYA

Oleh: NORDIN MOHAMAD

KUALA LUMPUR, Sabtu — Kerajaan Malaysia kuatir kemungkinan pendatang-pendatang haram Vietnam terlibat dalam kegiatan gerila di Malaysia sekiranya mereka dibenarkan mendarat dan tinggal di negara ini. Demikian dinyatakan oleh Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad petang ini.

Timbalan Perdana Menteri, memberitahu Berita Minggu, "kita kuatir kalau-kalau ada orang-orang itu yang akan terlibat dalam kegiatan-kegiatan gerila di Malaysia, jika mereka dibenarkan mendarat dan tinggal di negara ini."

Dato Seri Dr. Mahathir kemudian mengesahkan bahawa pihak Kerajaan pernah merampas senjata-senjata moden dari pendatang-pendatang haram itu sedikit masa dahulu.

Menurutnya, rampasan senjata itu dibuat ke atas pendatang haram dalam kumpulan awal yang tiba di kawasan perairan Malaysia sedikit masa lalu.

Katanya, sungguhpun senjata-senjata yang dirampas itu tidak banyak, tetapi ia boleh memberi kesan yang kurang baik dari segi keselamatan Malaysia.

Berdasarkan kepada rampasan itu, kata Dato Seri Dr. Mahathir, kerajaan juga kuatir pendatang-pendatang baru ini mungkin membawa senjata-senjata bersama mereka dan menjualkannya pula kepada orang-orang Malaysia.

Kepada satu pertanyaan, beliau berkata, ada tanda-tanda bahawa kedatangan pendatang haram Vietnam itu dirancangkan oleh sindikat atau agen-agen yang mencari keuntungan.

Bagaimanapun Dato Seri Dr. Mahathir enggan memberi ulasan kepada pertanyaan sama ada kedatangan rakyat Vietnam ke sini juga dirancang oleh anasir-anasir tertentu dengan sesuatu motif politik.

Ditanya lagi adakah beliau berpendapat atau bersetuju kedatangan pendatang haram Vietnam itu dilakukan untuk mencapai matlamat "teori domino", Timbalan Perdana Menteri berkata, "tidak sangkut paut."

Beliau menegaskan, kerajaan Malaysia tetap tidak akan membenarkan pendatang-pendatang haram itu mendarat, dan "memang inilah sikap kita, seboleh-bolehnya tidak akan membenarkan mereka mendarat."

Dato Seri Dr. Mahathir memberitahu, seluruh kawasan pantai di Semenanjung Malaysia terutama di Trengganu kini dikawal dengan lebih ketat lagi untuk menghalang kemasukan lebih ramai lagi pendatang haram Vietnam itu ke negara ini.

Ketika diminta memberi antara sebab-sebab Malaysia enggan menerima pendatang haram Vietnam itu, Dato Seri Dr. Mahathir berkata, "kita tidak bertanggungjawab terhadap pendatang itu dan mereka tidak sesuai dengan kita."

Menurut beliau, antara kesankesan nyata yang timbul dari pendatang-pendatang haram itu ke negara ini ialah berlakunya keadaan inflasi di tempat-tempat mereka mendarat.

Kenaikan harga barang-barang berlaku di daerah-daerah di mana mereka mendarat kerana pendatang haram itu menukarkan satu dolar Amerika kepada kadar satu Ringgit Malaysia.

Katanya lagi, kerajaan akan tetap bersikap tegas dalam masalah ini dan langkah baru kerajaan dalam mengawal kemasukan pendatang haram itu dengan penubuhan sebuah "Pasukan Petugas" baru-baru ini.

40 bot pendatang gagal mendarat

Oleh HAMID SALLEH

KUALA TRENGGANU, Sabtu — Armada 30 hingga 40 bot pendatang haram Vietnam yang gagal mendarat ke pantai kini berkeliaran di sekitar pelantar mencarigali minyak Malaysia di Tapis dan Pulai, kira-kira 120 batu dari pantai Trengganu.

Berita ini dilaporkan kepada Berita Minggu oleh nelayan pagi tadi dan disahkan oleh polis.

Perkembangan di Laut Trengganu itu membimbangkan pihak mencarigali minyak kerana besar kemungkinan pendatang haram itu 'menawan' pelantar-pelantar itu setelah hampa mendarat ke pantai.

Bot-bot tersebut dilaporkan belayar mengelilingi kawasan mencarigali tersebut kerana usaha hendak menuju pantai dipatahkan oleh anggota keselamatan Malaysia yang sentiasa bersiap sedia mencegah kedatangan mereka.

Sementara itu, empat bot yang masuk ke muara Sungai Trengganu di sini petang semalam telah pun diusir ke laut oleh pasukan keselamatan.

Bot-bot itu membawa kira-kira 1,000 pendatang haram dan kini dilaporkan belayar menuju selatan pantai timur Semenanjung.

Wakil kita di Kota Bharu pula melaporkan sebuah lagi bot pendatang haram Vietnam membawa 33 orang — 10 lelaki, 7 perempuan dan bakinya kanak-kanak — mendarat di pantai Tumpat jam 2.30 malam tadi.

Pendatang haram itu telah dibawa oleh pihak berkuasa Malaysia ke khemah sementara di Pengkalan Chepa.

Wakil kita di Johor Bharu pula melaporkan yang setakat ini seramai 8,457 orang pendatang haram telah mendarat di pantai Kuala Sedili, Johor.

Mereka telah ditempatkan di khemah sementara Pulau Tengah.



SUASANA sibuk dan cemas memang tetap ada dalam menghadapi sesuatu keadaan tambahan pula dalam kerja-kerja menyelamatkan mereka, seperti dapat dilihat dalam foto ini ketika para pegawai meninggalkan pendatang-pendatang haram dari sebuah kapal naik ke darat.

Pegawai Kedutaan Kanada (kanan) sedang memeluk seorang kanak-kanak meminta bantuan dari rakannya (kiri) yang meluru cepat naik ke kapal TLDM yang membawa 159 pendatang haram untuk dibawa ke Kanada.

Pegawai-pegawai polis dibantu oleh anggota-anggota Polis Simpanan Persekutuan telah menyelia kerja pemindahan pendatang-pendatang itu supaya mereka selamat dibawa ke lapangan terbang Subang di mana kapalterbang khas Boeing 707 sedia membawa mereka ke Kanada.

Kapal TLDM membawa pendatang-pendatang haram itu dari kapal "Hai Hong" yang sedang berlabuh kira-kira 15 batu dari Pelabuhan Kelang ke darmaga di mana empat bas disewa khas membawa mereka terus ke lapangan terbang. — Foto BM: Lee Hon Yew.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Lot : 1468
No. Pen : 1139/80